

Bil. S 26

**AKTA PENCEN UMUR TUA DAN HILANG UPAYA
(PENGAL 18)**

**ATURAN-ATURAN PENCEN UMUR TUA DAN HILANG UPAYA
(PENCEN ATAU ELAUN) (PINDAAN), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 23 dari Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya, maka Pengawal Pencen-Pencen, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya (Pencen atau Elaun) (Pindaan), 2001.

Pindaan aturan 9.

2. Aturan 9 dari Aturan-Aturan Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya (Pencen atau Elaun) adalah dipinda dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"(c) Dengan tidak menghiraukan perenggan (a), pencen-pencen dan elaun-elaun boleh juga dibayar melalui sistem perbankan atau dengan cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengawal."

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 31 haribulan Mac, 2001.

DAYANG HAJAH ZALIHA BINTI HAJI MOHIDDIN
Pengawal Pencen-Pencen,
Negara Brunei Darussalam.